

16/11/2001

Wakil rakyat tidak aktif akan diganti

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri dan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang didapati tidak menunjukkan prestasi memuaskan di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN), akan diganti dengan calon lain yang lebih cergas.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata ibu pejabat BN dan negeri akan memantau prestasi mereka dan laporannya nanti akan menentukan sama ada mereka dapat terus berkhidmat.

"Kita faham menteri ada tugas mereka, tetapi soal kehadiran di Parlimen atau menjawab soalan dan mendengar pandangan wakil rakyat juga penting. Saya juga pernah jadi menteri, saya faham.

"Namun, saya fikir dia (menteri dan wakil rakyat) tahu apa yang akan berlaku kalau mereka tidak hadir atau tidak memainkan peranan aktif. Kita tak mahu ada wakil rakyat yang dapat elaun hariannya dan tidur (di dalam dewan)," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan khas dengan Setiausaha BN Negeri di sini hari ini.

Bulan lalu, ibu pejabat BN mengarahkan semua wakil rakyat BN menyiapkan laporan kerja mengikut format yang ditetapkan bagi memudahkan pemantauan dilakukan.

Malah, semasa sidang Parlimen ini, beberapa wakil rakyat BN meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengambil tindakan tegas memecat menteri yang gagal menjalankan tugas dengan cekap.

Mohamed berkata, ibu pejabat BN sudah meminta kerjasama dari setiausaha BN negeri supaya memantau kehadiran wakil rakyat di DUN untuk dilaporkan kepada Perdana Menteri yang juga Presiden BN.

"Ada pegawai kita yang mencatat jumlah kehadiran mengikut jam. Tidak kira menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen atau wakil rakyat.

"Kita mencatat, siapa hadir pada setiap waktu, siapa yang keluar selepas soal jawab. Malah setiap jam kita mencatatnya. Kalau yang aktif dalam perbincangan, juga kita catat," katanya.

Ditanya sama ada ibu pejabat BN akan mengeluarkan surat amaran atau peringatan kepada mereka yang menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan, Mohamed berkata, perkara itu tidak akan dilakukan kerana wakil rakyat dan menteri faham akan kesan daripada prestasi mereka.

(END)